

Aspirasi hijau Wilayah Persekutuan

Oleh NAZWIN NAZRI dan AINI MAWAWI
editorwilayahku@gmail.com
 Foto AMIN FARIJ HASAN

PEMBANGUNAN hutan batu di samping bangunan pencakar langit yang direka dengan kepelbagaian seni bina pastinya menjadikan sesebuah bandaraya kelihatan gah. Namun hakikatnya persekitaran hijau merupakan elemen penting yang perlu diterapkan bersama kerana manusia dan alam tidak boleh dipisahkan.

TRANSFORMASI TAMAN TASIK TITIWANGSA DI MUKA 12, 13

Justeru, dalam era pemodenan dan urbanisasi ini, kerajaan telah mewajibkan supaya elemen 'kehijauan' disuntik dalam setiap seni bina supaya struktur bangunan kelihatan segar walaupun berhadapan dengan kadar penggunaan tanah yang terhad.

Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) turut mewartakan beberapa lokasi baharu antaranya Taman Persekutuan Bukit Kiara dan Taman Tugu, Kuala Lumpur untuk dijadikan kawasan hijau kekal sekali gus menepati aspirasi kerajaan yang mahu menjadikan Malaysia sebagai negara taman.

Di samping itu, beberapa taman rekreasi dan taman awam ditambah baik seperti Taman Tasik Titiwangsa, Kuala Lumpur yang kini berwajah baharu di samping mempunyai tarikan tambahan yang mempersona.

BERSAMBUNG KE MUKA 2

LANDSKAP tanaman hijau menyerikan sebuah bangunan di Putrajaya.



Melawan miskin bandar >>>6



Bangunan 'berhantu' di tengah bandaraya >>>9, 10 & 11



Memartabatkan sistem monarki >>>21

Rancak kempen hijau

DARI MUKA HADAPAN

Bagi merencanakan kempen penghijauan di Kuala Lumpur, kementerian mengambil inisiatif menggalakkan penglibatan pihak swasta secara tanggungjawab sosial korporat (CSR) dalam pembangunan kawasan lapang.

Komited dalam merencanakan kawasan hijau di Wilayah Persekutuan, Menteri, **Tan Sri TPr Annuar Musa** menyatakan satu projek pembangunan taman rekreasi di Jalan Dutamas 2, Mukim Batu Kuala Lumpur telah diluluskan untuk kerja pembangunan taman komemoratif dan rekreasi.

Mengulas tentang aspirasi kerajaan itu, tugas menjadikan Malaysia sebagai negara taman, bukan hanya di tangan kerajaan Persekutuan atau pihak berkuasa tempatan (PBT) semata-mata, ia sepatutnya melibatkan penyertaan masyarakat.

Bagi pemaju dan syarikat pembangunan, elemen vertikal landskap boleh dilaksanakan di samping mewujudkan 'taman rekreasi' serta gimnasium di atas bumbung seperti yang sudah dibina di beberapa kondominium sekitar ibu negara dan terkini ia diaplikasikan di Perumahan Penjawat Awam 1 Malaysia (PP1M).

Selain itu, bagi meneruskan kempen tersebut, komuniti setempat digalakkan untuk bercucuk tanam berkonsepkan kebun bandar yang mana penggunaan 'pasu PVC berdiri' diperkenalkan kerana kekangan tanah.

Menyentuh isu penjagaan dan pemuliharaan, Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara (JLN), **Rotina Mohd Daik** berkata, orang awam terutama komuniti dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) digalakkan untuk mengurus dan mentadbir kawasan taman serta persekitaran landskap melalui sumbangan tenaga dan idea seperti mewujudkan Rakan Taman iaitu sukarelawan penduduk setempat di kawasan kejiranan masing-masing.

"Ini akan mewujudkan perasaan tanggungjawab terhadap aset awam (*sense of belonging*) supaya pengurusan sesebuah taman tidak bergantung semata-mata kepada pihak kerajaan," ujarnya.

Tambah beliau, bagi taman yang dibangunkan oleh JLN pula, ia disertakan dengan Pelan Pengurusan Taman iaitu pihak berkuasa tempatan (PBT) dan agensi yang berkaitan perlu memulihara serta menguruskan taman-taman berdasarkan pelan yang ditetapkan.

POTENSI KAWASAN HIJAU WILAYAH PERSEKUTUAN



ROTINA

Mengulas tentang kawasan hijau yang boleh dibangunkan di Wilayah Persekutuan seperti Taman Persekutuan, jelas Rotina, masih terdapat banyak potensi kawasan-kawasan berhutan dan landskap semulajadi yang boleh dikekalkan atau dibangunkan dengan mengambil kira 'foot-print' kawasan pembangunan yang perlu sahaja.

Katanya, dengan cara tersebut, kawasan hijau terutama kawasan berhutan di Wilayah Persekutuan dapat dikekalkan dan pembangunan dengan peningkatan densitinya dapat dilaksanakan.

"Pada masa sama, peningkatan densiti ini dapat menggalakkan pembangunan kawasan Wilayah Persekutuan dan mengekalkan kawasan hijau. Lokasi yang masih belum diterokai dan berpotensi untuk dibangunkan sebagai kawasan landskap di Wilayah Persekutuan adalah seperti kawasan bukit atau tanah tinggi atau kawasan hutan simpan," katanya.

RIZAB JALAN DIJADIKAN KANOPI POKOK

Bagi elemen vertikal landskap pula, kata Rotina, JLN telah menerbitkan Dasar Landskap Negara yang mana strategi digariskan untuk penghijauan bandar adalah dengan penyediaan Taman Awam, Taman Botani dan Arboretum serta Taman Persekutuan.

Ujarnya, pembangunan taman itu akan disokong oleh pembangunan taman-taman yang lebih kecil seperti Taman Bandaran dan Taman Wilayah.

"Usaha menghijaukan Wilayah Persekutuan boleh ditingkatkan dengan mewujudkan jaringan hijau yang padat dengan tumbuhan terutama di rizab



PONDOK rehat di Taman Saujana Hijau, Putrajaya memberi nilai tambah pada landskap taman.



LANAMAN kerawang Tasik Titiwangsa dihiasi pokok berbau wangi.

“Usaha menghijaukan Wilayah Persekutuan boleh ditingkatkan dengan mewujudkan jaringan hijau yang padat dengan tumbuhan terutama di rizab jalan raya, rizab sungai dan jaringan kemudahan yang lain.

- ROTINA MOHD DAIK -

jalan raya, rizab sungai dan jaringan kemudahan yang lain.

"Dalam satu tempoh masa, pokok-pokok teduhan yang ditanam ini akan mewujudkan sambungan kanopi pokok (*continuous tree canopy*) sekali gus membentuk jaringan hijau di keseluruhan kawasan Wilayah Persekutuan," jelasnya.

Selain itu, beliau memaklum-

kan, penambahan kawasan hijau di Wilayah Persekutuan juga boleh dilaksanakan dengan Program Pemuliharaan Landskap iaitu melalui penanaman pokok-pokok hutan di kawasan pelupusan sampah yang telah ditutup.

Tambahnya, Program Pemuliharaan Landskap juga boleh dilaksanakan di kawasan tanah terganggu seperti bekas lombong atau kawasan lombong kuari yang telah ditinggalkan di samping melaksanakan perawatan terhadap landskap semulajadi bagi memastikan pengekal dan pemuliharaan seperti di Taman Persekutuan Bukit Kiara, Kuala Lumpur dan lain-lain kawasan semulajadi yang berpotensi untuk dijadikan kawasan hijau dan rekreasi.

INFO Tempat Rekreasi

Taman-Taman Rekreasi di Kuala Lumpur

- Taman Botani Perdana
- Taman Rimba Kiara
- Taman Tasik Titiwangsa
- Taman Tasik Manjalara
- Taman Metropolitan Kepong
- Taman Metropolitan Batu
- Taman Tasik Datuk Keramat
- Taman Tasik Permaisuri
- Taman Bukit Jalil
- Taman Pudu Ulu
- Taman Tasik Ampang Hilir
- Taman Alam Damai
- Taman Dusun Bandar

Taman-Taman Rekreasi di Putrajaya

- Taman Botani
- Taman Putra Perdana
- Taman Rimba Alam
- Taman Selatan
- Taman Warisan Pertanian
- Taman Wawasan
- Taman Wetland
- Taman Ekuestrian Putrajaya
- Taman Saujana Hijau
- Taman Cabaran Mendaki
- Taman Cabaran Meluncur

Taman-Taman Rekreasi di Labuan

- Taman Burung Labuan
- Taman Damai
- Taman Botanikal
- Dataran Labuan

9 tarikan baharu Taman Tasik Titiwangsa

- Maze Garden
- Laman Kerawang berkonsep ukiran dan dihiasi pokok-pokok berbau wangi
- Pondok moden yang dihiasi lampu berwarna-warni
- Trek jogging, basikal air, kanu, taman permainan kanak-kanak
- Jambatan gantung (*canopy walk*) yang dibina dengan elemen pencahayaan menarik khusus untuk pengunjung melaluinya pada waktu malam
- Gelanggang bola jaring dan bola keranjang
- Taman permainan air
- Kemudahan menunggang kuda dan trek litar lumba kereta kawalan jauh
- Laluan pejalan kaki mengelilingi tasik

Taman Tasik Titiwangsa

Bukti KWP peka kawasan hijau, kesejahteraan rakyat

TAMAN Tasik Titiwangsa, Kuala Lumpur antara lokasi tumpuan pelancong asing kerana berlatar belakangkan mercu tanda Malaysia iaitu Menara Berkembar Petronas (KLCC) dan Istana Budaya.

Wajah baharunya membuktikan kerajaan menerusi Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) sentiasa komited menyediakan kawasan hijau di ibu negara sama ada landskap mahu pun pembinaan bangunannya.

Setiausaha Bahagian Pengurusan Pembangunan KWP, **Nor Muhamad Che Dan** berkata, pihak kementerian sentiasa mengutamakan bandar raya hijau di samping komited dalam memberikan kesejahteraan kepada warga kota.

“Oleh itu, kita memberi nafas baharu kepada Taman Tasik Titiwangsa di samping menambah beberapa infrastruktur moden manakala sebahagiannya dikekalkan tetapi dibaiki,” katanya kepada *Wilayahku*.

Menurut Nor Muhamad, menyedari panorama tasik besar yang cantik itu wajar dijadikan ‘focal point’, laluan pejalan kaki ditambah baik khusus untuk pengunjung bersiar-siar di sekeliling tasik di samping trek jogging yang memberi keselesaan.

Selain itu, katanya, beberapa kemudahan lain disediakan termasuk basikal air, kanu dan taman permainan kanak-kanak yang semestinya memberikan keceriaan kepada pengunjung tanpa mengira usia serta latar belakang.

Beliau menambah, bagi memberi



CANOPY WALK merupakan tarikan baharu di Taman Tasik Titiwangsa.

impak khas kepada pengunjung yang hadir, ‘maze garden’ disediakan sekali gus memberi nilai tambah kepada pengunjung di samping kemudahan menunggang kuda dan trek litarumba kereta kawalan jauh.

Nor Muhamad memberitahu, kerianan pesona Taman Tasik Titiwangsa juga tidak terhenti pada waktu siang berikutan pengunjung berpeluang merakam pemandangan indah pada waktu senja kerana pondok usang yang dihias dengan konsep moden akan dilimpahi cahaya lampu berwarna-warni.

Katanya, pengunjung juga akan diserikan dengan pancutan air berirama pada setiap hujung minggu di samping terdapat beberapa gerai yang menjual makanan dan minuman.

“Antara kemudahan terkini yang menanti pengunjung adalah Laman

Kerawang yang berkonsep ukiran serta ditanam dengan pokok-pokok berbau wangi.

“Kita juga menyediakan taman permainan air, gelanggang bola jaring dan bola keranjang di samping jambatan gantung yang dibina dengan elemen pencahayaan menarik khusus untuk pengunjung melaluinya pada waktu malam.

“Selain itu, antara kemudahan yang ditambah baik bagi menjadikan Taman Tasik Titiwangsa lebih kemas dan selesa adalah kemudahan papan tanda arah dan laluan pejalan kaki, laluan utama dan pokok-pokok dihiasi dengan lampu supaya kelihatan ceria dan lebih selamat kepada pengunjung,” katanya sambil memaklumkan projek yang menelan belanja RM99.8 juta itu berjaya mengindahkan Taman Tasik Titiwangsa. **WK**

Pemilihan vertikal landskap perlu sesuai

KESEDARAN terhadap pembangunan lestari turut mempengaruhi arkitek dalam membangunkan projek bangunan masa kini yang berteraskan konsep hijau.

Maka, tidak hairanlah jika kebanyakan bangunan kediaman mahupun pejabat diserikan dengan tanaman vertikal landskap.

Vertikal landskap atau landskap tanaman hijau yang kebiasaannya ditanam pada luaran sesebuah bangunan, bukan sahaja mampu mencantikkan struktur binaan bahkan memberi nilai tambah kepada alam sekitar.

Menurut Pensyarah Jabatan Struktur dan Bahan, Sekolah Kejuruteraan

Awam, Fakulti Kejuruteraan Universiti Teknologi Malaysia (UTM), **Dr Mohd Zamri Ramli**, landskap tanaman hijau baik untuk kelestarian namun pemilihan tumbuhan-tumbuhan perlu dititikberatkan.

“Amat penting melihat jenis tumbuhan yang ditanam, jika ia menggunakan sistem sokongan yang bersesuaian maka pertumbuhannya tidak akan mengganggu struktur binaan. Sebaliknya jika tumbuhan yang dipilih jenis menjalar maka rayapan akarnya akan memberi kesan ter-

hadap struktur bangunan.

“Selain daripada itu, penjagaan dan penyelenggaraan amatlah penting bagi memastikan tumbuhan yang ditanam kekal terpelihara dan tidak mendatangkan sebarang kesan yang tidak diinginkan kepada struktur pembinaan,” ujarnya ketika dihubungi *Wilayahku*.

Tambahnya lagi, buat masa ini, landskap tanaman hijau yang diaplikasikan pada bangunan di Malaysia tidak memberi kesan negatif kepada struktur yang dibina. “Ia menunjukkan arkitek



MOHD ZAMRI

Malaysia memahami dan jelas dengan pandangan dari sudut pembinaan itu sendiri, apa yang baik dan sebaliknya. Malah mereka juga arif dengan pandangan pihak jurutera kerana itu setiap landskap yang diilhamkan selamat,” ujarnya.

Tambah Mohd Zamri, tanaman yang ditanam di sesebuah bangunan juga tidak mendatangkan kesan yang mudarat kerana ia tidak begitu berat.

“Namun perlu diingatkan pemilihan landskap yang minimum lebih baik berbanding yang sarat kerana ia tidak mengganggu proses pemeriksaan berkala yang akan dilakukan pihak bertanggungjawab,” katanya. **WK**

RINGKASAN BERITA

Hayati prinsip Kesetiaan kepada Raja dan Negara

GENERASI muda perlu mendukung dan menghayati prinsip Rukun Negara yang kedua iaitu Kesetiaan kepada Raja dan Negara bagi memastikan pemahaman terhadap falsafah itu diterapkan secara menyeluruh sekali gus membantu menjadikan Malaysia sebuah negara berdaulat.

Datuk Paduka Maharaja Lela Istana Negara **Datuk Azuan Effendy Zairakithnaini** berkata generasi itu juga perlu menyemai semangat cintakan negara serta menghormati Institusi Diraja lebih-lebih lagi golongan muda bakal menjadi pemangkin kesejahteraan negara pada masa akan datang.

“Kita harus jelas bahawa Rukun Negara dengan lima prinsip bukanlah hanya teks bersifat layu dan lesu, malah ia sebenarnya teks yang mempunyai jiwa dan roh yang harus difahami dan dihayati seluruh masyarakat terutama orang muda.

“Anak muda bakal dan ada telah jadi pemimpin negara, kita harus tahu sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen ini merupakan paksi kepada negara. Negara akan terus gemilang jika kita terus mempertahankannya,” kata beliau ketika menjadi tetamu program Darah Muda terbitan Bernama TV, Selasa lalu.

Salur maklumat perniagaan ‘haram’ kepada pihak berkuasa

KERAJAAN sentiasa mengalu-alukan usaha orang ramai untuk menyalurkan sebarang maklumat berkaitan kegiatan perniagaan tanpa kebenaran dan menyalahi undang-undang, kata Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan **Datuk Seri Dr Santhara**.

Beliau berkata, maklumat tepat yang disalurkan sama ada melalui panggilan telefon, aplikasi WhatsApp mahupun di laman sosial Facebook, adalah penting bagi pihaknya untuk mengambil tindakan susulan, menerusi kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

“Kita akan bekerjasama dengan agensi penguatkuasaan dan apa jua maklumat yang kita terima akan disalurkan kepada PDRM dan agensi lain yang terlibat, untuk diambil tindakan.

“Kita yakin dengan adanya maklumat yang tepat, agensi penguatkuasa ini boleh mengambil tindakan dengan cepat dan tegas termasuklah menutup premis,” katanya Selasa lalu.

Penguatkuasa: CUEPACS saran sistem penggiliran dilaksanakan

Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) berpandangan had maksimum bertugas atau sistem penggiliran wajar dilaksanakan di kalangan penjawat awam terutama bagi petugas di agensi penguatkuasaan.

Presidennya **Adnan Mat** berkata ia bagi mengelakkan berlakunya pelanggaran integriti dan rasuah jika berada di tempat sama dalam tempoh yang lama.

“Had maksimum bertugas serta penggiliran, pertukaran ke unit atau jabatan lain menjadikan penjawat awam tidak berasa terlalu selesa sekiranya bertugas terlalu lama di sesuatu unit atau jabatan. Perasaan terlalu selesa ini bukan sahaja menjadikan penjawat awam tidak kompeten, malah mengundang ke arah penyalahgunaan kuasa.

Bagi agensi tertutup seperti pihak berkuasa tempatan, skop fungsi tugas boleh diubah setiap tiga tahun atau membuat pertukaran dalaman ke sebuah pekan kecil yang lain bagi mengelakkan berada di tempat yang sama sekali gus boleh meningkatkan kompetensi penjawat awam itu sendiri apabila mereka mempunyai kemahiran yang pelbagai,” katanya dalam satu kenyataan Rabu lalu.